

## **TEKANAN MENTAL DALAM PERKAHWINAN DAN PENYELESAIANNYA MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Zanariah Dimon

[zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my),

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

Islam mengharuskan perkahwinan sebagai suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur kehidupan yang baik, sempurna dan saling bertanggung jawab. Walau bagaimanapun, terdapat perkahwinan yang tidak memberi kebahagiaan, malahan mendatangkan penderitaan. Ada isteri yang berhadapan dengan tekanan mental disebabkan syiqaq yang berpanjangan dalam perkahwinan. Ada isteri yang berhasrat untuk keluar dari kemelut perkahwinan tetapi tidak menemui jalan keluar. Tekanan mental adalah satu mudarat yang bertentangan dengan tujuan syariah iaitu pemeliharaan akal. Tekanan mental boleh berlaku kepada isteri melalui penganiayaan secara fizikal atau emosi oleh suaminya atau orang ketiga di dalam rumah tangga yang akan mendorong kepada berlakunya kecelaruan emosi tanpa disedari sehingga membahayakan diri sendiri dan orang lain jika tidak diselesaikan. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai gejala tekanan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan dan penyelesaiannya menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kajian menggunakan metode analisis dokumen dengan membuat tinjauan khusus terhadap peruntukan undang-undang dan kes-kes berkaitan. Kertas kerja ini merumuskan bahawa undang-undang keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan jaminan perlindungan dan penyelesaian dalam menangani masalah tekanan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan. Isteri yang berhadapan dengan masalah sedemikian mempunyai hak untuk membuat tindakan menurut undang-undang bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terhadap diri mereka sendiri dan orang lain terutamanya anak-anak.

Kata kunci: tekanan, mental, fasakh, syiqaq

### **1. PENDAHULUAN**

Perkahwinan dalam Islam adalah ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur kehidupan yang baik, sempurna dan saling bertanggung jawab. Walau bagaimanapun, tidak semua perkahwinan berakhir sehingga ke akhir hayat dengan kebahagiaan. Ada perkahwinan yang menghadapi krisis atau konflik sehingga memberi kesan kepada fizikal dan emosi suami atau isteri. Penderaan secara fizikal mahupun tekanan mental sering berlaku dalam perkahwinan. Tekanan mental adalah satu mudarat yang bertentangan dengan tujuan syariah iaitu pemeliharaan akal.

Tekanan mental boleh berlaku kepada isteri melalui penganiayaan fizikal atau emosi oleh suaminya secara berterusan atau kewujudan orang ketiga di dalam rumah tangga yang mendorong kepada berlakunya kecelaruan mental tanpa disedari sehingga membahayakan diri sendiri dan orang lain jika tidak diselesaikan. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai gejala tekanan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan dan penyelesaiannya menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

## **2. KONFLIK DALAM PERKAHWINAN**

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang telah berkahwin. Walau bagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Realitinya, pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga.

Permasalahan atau konflik rumah tangga merupakan satu isu yang sudah lama wujud dan diperkatakan dalam masyarakat. Konflik rumah tangga adalah suatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Menurut Haliza A. Shukor (2012), krisis atau konflik rumah tangga adalah keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang boleh mengakibatkan masalah penderaan, keganasan dan akhirnya berlaku perceraian. Manakala menurut A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014), kebanyakan perceraian berlaku kerana konflik dalam perkahwinan, pengabaian tanggung jawab, penderaan dan penganiayaan. Perceraian selalunya digunakan untuk menyelesaikan kemelut dalam rumah tangga. Namun begitu, perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian konflik sekiranya semua langkah penyelesaian gagal.

Konflik rumah tangga kebiasaannya melibatkan elemen-elemen nusyuz dan *shiqaq* sama ada di pihak suami atau isteri yang berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama. Nusyuz dari segi bahasa bermaksud derhaka. Isteri yang nusyuz ialah isteri yang menderhakai suaminya dalam perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan suami yang nusyuz pula ialah suami yang menzalimi atau menganiaya isterinya (Haliza

A. Shukor, 2012). *Syiqaq* pula menurut istilah fiqh adalah perbalahan antara suami isteri dan Islam menganjurkan supaya dilantik dua orang wakil yang menjadi orang perantaraan yang berpengaruh dan boleh menyelesaikan masalah mereka (Salleh Ismail. 2003). Manakala menurut undang-undang, *shiqaq* bermaksud perselisihan atau perkelahian berterusan antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan dan memerlukan kuasa penimbang tara atau hakim untuk menyelesaikan perselisihan tersebut (seksyen 48 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

Islam telah menggariskan hak-hak dan tanggung jawab yang perlu ditunaikan bagi kedua-dua belah pihak selepas menjalani kehidupan berkeluarga. Hak isteri adalah tanggung jawab suami dan hak suami adalah tanggung jawab isteri. Segalanya perlu dilaksanakan seiring dan perlu dijaga dengan sebaiknya (Zaini Yusnita. 2014). Kebahagiaan, keharmonian dan kesejahteraan keluarga banyak bergantung kepada peranan suami dan isteri. Konflik akan berlaku dalam perkahwinan sekiranya hak-hak dan tanggung jawab tersebut tidak ditunaikan sebaiknya oleh suami atau isteri. Pengabaian hak dan tanggung jawab dalam rumah tangga akan memberi kesan bukan sahaja kepada hubungan dan emosi suami isteri, malahan melibatkan anak-anak dan institusi kekeluargaan. Ini bertepatan dengan pernyataan A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014) bahawa perkahwinan yang bermasalah juga secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada pasangan, anak-anak dan komuniti.

Secara ringkasnya, konflik dalam perkahwinan akan meninggalkan kesan mendalam terhadap kesihatan serta kesejahteraan pasangan dari sudut psikologi. Penganiayaan yang berlaku boleh menyebabkan kemurungan dalam institusi keluarga bukan sahaja melibatkan ibu bapa tetapi juga anak-anak. Apabila ibu atau bapa menderita disebabkan kemurungan, yang disebabkan oleh penganiayaan dari segi emosi atau fizikal yang kerap berlaku, ia boleh menghasilkan gejala-gejala yang negatif terhadap anak-anak dan kalangan ahli keluarga. Kemuncak kepada kemurungan yang terhasil oleh peningkatan konflik perkahwinan adalah terjejasnya hubungan di antara ibu bapa dengan anak sekaligus mempengaruhi perkembangan dan psikologi anak-anak mereka (Shamsiah, 2015).

### **3. PENDERAAN (*DARAR*) SUAMI TERHADAP ISTERI DALAM PERKAHWINAN**

Kebahagiaan sesebuah perkahwinan banyak bergantung kepada tanggung jawab pasangan suami isteri. Sekiranya berlaku pengabaian tanggung jawab, maka akan berlaku penderaan

atau darar dalam perkahwinan. *Darar* secara literal bermaksud sebagai “lawan kepada sebarang perkara yang bermanfaat” (Kamus Dewan, 2007). Manakala, Ibn Manzur (1994) memberi makna *darar* sebagai “kesempitan”. Al-Shatibi pula mendefinisikan *darar* sebagai penganiayaan suami terhadap isteri nyawa, keturunan, harta benda dan termasuklah akal isteri. *Darar* ialah penganiayaan suami terhadap isteri yang melibatkan lima perkara asas yang wajib dijaga, iaitu masalah daruriyyah: agama, nyawa, keturunan, harta benda dan termasuklah akal isteri. Oleh itu, penganiayaan yang berlaku terhadap isteri oleh suami dalam sebarang bentuk sama ada fizikal atau emosi merupakan *darar* terhadap isteri.

Pada amnya, penderaan atau *darar* terhadap isteri ialah satu perbuatan keganasan terhadap isteri oleh seorang suami dengan menggunakan kekasaran fizikal sama ada dengan cara menampar, memukul, menumbuk dan menendang mana-mana bahagian tubuh, membaling objek dan lain-lain lagi. The National Committee on Violence Against Women telah mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai perbuatan yang menyebabkan kerosakan dari segi fizikal, seksual dan emosi, memencilkan diri atau halangan dari segi ekonomi atau perbuatan yang menyebabkan seseorang wanita itu berada dalam ketakutan. Penderaan oleh suami atau isteri boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu; 1) penderaan fizikal dan 2) penderaan emosi atau mental (Siti Shamsiah. 2015).

### **3.1 Penderaan Fizikal**

Penderaan fizikal merupakan penderaan yang biasa berlaku pada isteri. Penderaan terhadap isteri berlaku apabila seorang suami menggunakan kekerasan fizikal terhadap isteri dengan cara menampar, memukul, menumbuk, dan menendang pada mana-mana bahagian tubuh sehingga menyebabkan tubuh badan isteri cedera, lebam, berdarah, patah tulang atau mengalami pendarahan dalaman. Terdapat kes mangsa meninggal dunia akibat perbuatan suami (Jal Zabdi, 2006). Perlakuan penderaan fizikal ini biasanya bermula dengan perbuatan kecil seperti menampar, membaling objek dan sebagainya. Perbuatan ini kemudiannya akan berterusan sehingga isteri didera dengan serius. Adalah secara contoh, jelas penderaan seumpama ini adalah untuk menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan juga tempat perlindungan juga merupakan salah satu bentuk penderaan fizikal (Maizatul Akmam, 2008)

Bagi menunjukkan kekuasaan atau kawalan terhadap isteri, suami memilih untuk menggunakan pelbagai bentuk dan cara penderaan terhadap isteri. Isteri ada kalanya di dera,

sama ada dengan cara menumbuk, menampar, menendang atau dengan menggunakan objek-objek tertentu seperti kayu, pisau, botol dan sebagainya. Penderaan secara fizikal juga boleh sekiranya suami gagal atau cuai memberi nafkah dan keperluan asas kepada isteri. Ia adalah salah satu bentuk penganiayaan dalam rumah tangga. Ini kerana, nafkah adalah hak isteri yang wajib disempurnakan oleh suami atau orang yang menanggungnya.

### **3.2 Penderaan Mental**

Penderaan mental atau emosi membabitkan penyeksaan batin, pengabaian, memperkecil kebolehan isteri, memaki hamun dan tidak menyediakan keperluan rumah tangga dengan secukup-cukupnya. Menurut Jal Zabdi (2006), penderaan emosi juga bermaksud suami mengenakan layanan psikologi yang tidak sepatutnya terhadap isteri dengan cara mengawal pemikiran mereka atau *brainwashing* atau menggunakan strategi berbentuk manipulasi. Terdapat juga keadaan seorang suami mendera isterinya dengan cara memprovokasikan perasaan takut atau mewujudkan perasaan bersalah, menyalahkan diri sendiri, terlalu bergantung atau *learned helplessness*. Tindakan oleh salah seorang daripada pasangan untuk mengawal kelakuan pasangannya boleh menyebabkan keyakinan diri pasangannya menjadi rendah dan wujud perasaan *learned helplessness*.

Tekanan mental adalah yang disebut sebagai gangguan mental, gangguan psikologi atau gangguan psikiatrik. Ianya adalah satu bentuk tingkah laku atau perubahan mental sama ada ia menyebabkan rasa derita atau daya yang lemah untuk berperanan seperti manusia yang normal dalam kehidupan biasa. Ianya kebiasaannya merujuk kepada gabungan bagaimana perasaan yang dialami seseorang, tindakannya, pemikirannya atau bagaimana ia membentuk persepsi. Gangguan mental adalah merangkumi kemurungan (depression), demensia dan schizophrenia (Siti Shamsiah, 2015)

Penderaan emosi terhadap isteri juga boleh berlaku tanpa disedari seperti seorang suami yang meninggalkan isteri tanpa alasan yang munasabah atau lebih dikenali dengan perkataan gantung tidak bertali. Meninggal langsung isteri atau dahulunya disebut gantung tidak bertali adalah suatu penganiayaan atau penderaan terhadap isteri. Penderaan emosi berlaku apabila isteri yang ditinggalkan suami keseorangan terpaksa menanggung anak-anak. Perasaan tertekan oleh kerana kepenatan mencari wang dan menguruskan anak-anak boleh memberi kesan terhadap emosi isteri (Utusan Malaysia, 2014).

Selain itu, penderaan emosi adalah berbeza dengan penderaan fizikal yang mana kesannya tidak dapat dilihat yang meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan. Terdapat kes di mana seorang wanita dihadapkan di mahkamah atas tuduhan memotong zakar suaminya akibat tidak tahan melayan nafsu serakah suami. Terdapat juga di mana mangsa mengalami kemurungan melampau akibat didera secara emosi sehingga mendorong melakukan sesuatu di luar pemikiran seperti mencederakan diri sendiri, mencederakan anak malah ada yang berfikir untuk membunuh diri. Suami yang tidak bekerja, sering berfoya-foya, kaki judi, suka memaki hamun boleh dikategorikan antara bentuk-bentuk penderaan emosi yang berlaku. Suami yang tidak bekerja boleh memberikan tekanan kepada isteri kerana terpaksa menanggung segala perbelanjaan rumah tangga termasuk ansuran kereta, sewa rumah, belanja dapur dan upah pengasuh.

#### **4. FAKTOR-FAKTOR TEKANAN MENTAL**

Faktor-faktor berlakunya tekanan mental dalam perkahwinan yang sering dilaporkan adalah disebabkan oleh penderaan atau penganiayaan yang berlaku di dalam rumahtangga. Konflik yang berlaku juga boleh menyebabkan tekanan mental itu terjadi. Antara punca-punca berlakunya tekanan mental adalah berasa derita di dalam rumahtangga sebagai contoh suami tidak membayar nafkah dan segala perbelanjaan harian ditanggung sendiri. Selain itu, penderaan emosi juga berlaku apabila suami berpogami tetapi tidak berlaku adil dengan melebih-lebihkan isteri lain sehingga mengabaikan isteri yang lain. Suami dipenjara dalam tempoh yang lama atau kerana menagih dan mengedar dadah juga boleh menjadi faktor berlakunya tekanan mental akibat berasa stress dan tertekan dengan keadaan hidup seorang diri untuk menanggung anak-anak atau menghadapi cemuan masyarakat.

Adakalanya, tekanan mental yang disebabkan konflik yang berlaku kerana kegawatan ekonomi hari ini yang berkait dengan fenomena kejatuhan nilai ringgit. Kegawatan ekonomi ini juga memberi banyak kesan termasuklah kesan sosial di antaranya pembuangan pekerja, pengangguran, kadar inflasi yang tinggi dan kemiskinan dan ianya akan membawa kepada krisis rumahtangga disebabkan tekanan hidup sehingga menyebabkan banyak kes tuntutan fasakh dibawa ke mahkamah.

Suami yang enggan bercakap dengan isteri atau memalingkan muka daripada isteri di katil juga boleh menyebabkan isteri berasa hati dan emosi terganggu yang mendorong kepada berlakunya tekanan mental apabila perlakuan suami itu dalam tempoh yang lama iaitu

perasaan isteri hanya timbul apabila acapkali dilakukan. Tiada komunikasi antara suami dan isteri juga boleh menyebabkan sebarang perkara yang berlaku tidak dapat diselesaikan dengan baik. Tuan hakim juga mengulaskan dengan mengambil pendapat pakar psikologi yang menyatakan bahawa komunikasi adalah penting bagi menjana hubungan yang sihat iaitu dengan adanya perbincangan tanpa melalui telefon malah melakukan perbincangan di rumah secara sihat dan tenang.

Selain daripada itu, terdapat juga faktor-faktor daripada penderaan fizikal yang memberi kesan kepada terjadinya tekanan mental. Perincian faktor-faktor ini diantaranya ialah suami yang panas baran yang sering memukul isteri tanpa sebab yang munasabah. Perlakuan ini akan menyebabkan isteri berasa trauma dan tertekan dan mendorong kepada terjadinya kemurungan. Selain itu, berasa takut terhadap ancaman yang diberikan oleh suami yang mengugut akan mencederakan anak atau memukul dengan lebih teruk jika aduan dibuat. Kesan daripada itu, isteri terpaksa mendiamkan diri dan perkara itu akan mempengaruhi emosi yang membawa kesan perubahan kepada kehidupan harian.

## **5. IMPLIKASI TEKANAN MENTAL DALAM PERKAHWINAN**

Kesan-kesan apabila berlakunya tekanan mental dalam sebuah perkahwinan ialah dengan memberi impak yang sangat besar terhadap anak-anak dalam perkahwinan. Kesan ini selalu terjadi apabila ibu dan ayah mereka yang mengalami konflik yang membawa kepada tekanan dalam rumahtangga dan anak-anak akan menjadi sasaran mereka untuk melepaskan marah. Bagi isteri yang menuntut fasakh di mahkamah, akan memberi kesan emosi kepada anak-anak, oleh kerana disebabkan perceraian berlaku dan anak-anak menjadi keliru untuk tinggal dengan siapa. Pandangan rakan-rakan di sekolah juga memberikan impak atau kesan yang mendalam terhadap emosi anak-anak.

Selain itu, apabila berlaku perkara ini, ia memberi kesan kepada para isteri untuk membina kehidupan normal semula kerana ia akan mengambil masa yang lama untuk pulih dari segi fizikal mahupun emosi. Begitu juga sekiranya berlaku tekanan mental kerana suami yang tidak menghiraukan kebajikan isteri terutama selepas melahirkan anak dan memberi kesan emosi terhadap isteri. Kesan daripada perkara ini, berlakunya pembunuhan bayi sendiri dalam keadaan isteri tidak sedar. Ia berkait rapat dengan penyakit kemurungan.

Berdasarkan kes-kes yang pernah dilaporkan berkenaan dengan tekanan mental dapat dirumuskan disini bahawa tekanan mental berlaku bukan sahaja disebabkan oleh penderaan emosi sahaja malah penderaan fizikal yang acapkali berlaku atau teruk berlaku boleh menyebabkan emosi dan mental isteri terganggu dan memberikan kesan dan pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian. Keadaan isteri itu turut mempengaruhi anak-anak dan seisi keluarga sekiranya tidak ditangani dengan cara yang sesuai dan berkesan.

## **6. PENYELESAIAN MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Tekanan mental dalam perkahwinan terutamanya kepada isteri boleh menyebabkan impak yang tidak baik kepada seluruh ahli keluarga dan masyarakat sekiranya tidak dibendung daripada awal. Seluruh ahli keluarga perlu membantu isteri atau ibu yang mengalami tekanan mental dengan kaedah atau cara yang paling sesuai dan berkesan bagi mengelakkan risiko yang lebih teruk. Justeru itu, beberapa cadangan penyelesaian dikemukakan bagi membantu menangani masalah tekanan mental dalam kalangan isteri:

### **5.1 Mendapatkan Nasihat Unit Runding Cara Keluarga**

Isteri yang mengalami tekanan mental boleh mendapatkan khidmat nasihat atau rundingan bersama pakar perunding yang berkemahiran dalam ilmu perkahwinan dan kekeluargaan di Unit Rundingcara Keluarga di jabatan agama Islam. Justeru, keperluan proses runding cara sangat penting bagi membantu pasangan yang bermasalah ini supaya dapat mencari kaedah penyelesaian yang terbaik menyelesaikan krisis atau konflik dalam perkahwinan. Mohamed Sharif Mustaffa (2003) mendapati perkhidmatan runding cara di jabatan agama Islam dilaksanakan oleh pegawai kaunseling bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga. Berdasarkan kajian oleh Raihanah Azahari (2007) di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling di Shah Alam mendapati, wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu. Kenyataan ini menunjukkan bahawa wanita mungkin merasa lebih tertekan apabila berlakunya permasalahan rumahtangga.

### **5.2 Konsultasi Bersama Pakar Psikiatri/Psikologi**

Mendapatkan sesi kaunseling bersama pakar psikiatri bagi menentukan tahap depression atau tekanan mental yang dihadapi oleh isteri. Kaedah ini dilaksanakan di Jabatan Psikiatri dan



Kesihatan Mental yang terdapat di hospital- hospital kerajaan. Laporan perubatan daripada pakar psikiatri ini boleh menjadi bukti di mahkamah sebagai keterangan pakar atau dokumen bertulis mengenai tahap tekanan yang dihadapi bagi meneruskan tindakan bagi tujuan penyelesaian menurut undang-undang contohnya melalui tuntutan fasakh. Ini kerana, dalam kes-kes tuntutan fasakh pembuktian sangat penting bagi membuktikan tuntutan tersebut. Sekiranya mereka menjalani kaunseling dan rawatan dengan pihak yang mempunyai autoriti, ia lebih memudahkan hakim bicara untuk membuat pertimbangan. (Siti Shamsiah, 2013)

### **5.3 Permohonan Cerai Seksyen 47**

Permohonan perceraian secara baik dengan syarat mendapat persetujuan daripada kedua pihak suami dan isteri. Berdasarkan peruntukan dalam seksyen 47 enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kes permohonan cerai di bawah seksyen 47, suami perlu memberi persetujuan untuk bercerai sebelum dibenarkan oleh hakim syarie untuk menjatuhkan talak kepada isterinya. Masalahnya adalah dalam kes-kes yang melibatkan tekanan mental atau emosi ini, kebiasaannya suami enggan menceraikan isterinya secara baik di Mahkamah Syariah. Sekiranya berlaku keengganan di pihak suami, mahkamah boleh melantik Jawatankuasa Pendamai (seksyen 47(5)) atau Hakam (seksyen 48) bagi mencari jalan penyelesaian antara mereka dan ia akan mengambil masa yang lebih lama.

### **5.4 Tuntutan Fasakh**

Isteri yang menghadapi tekanan mental dan tidak mahu meneruskan perkahwinan tersebut boleh mengemukakan tuntutan fasakh dengan menggunakan satu alasan tunggal mengenai tekanan yang dihadapinya ataupun kombinasi alasan-alasan lain yang dibenarkan dalam peruntukan fasakh. Contohnya di Selangor, isteri tersebut boleh menggunakan alasan di bawah seksyen 53 (1)(h) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (EUKIS 2003) merujuk kepada alasan suami menganiaya isteri dengan cara lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya. Peruntukan seksyen ini adalah relevan dengan maksud darar syarie yang telah disebutkan sebelum ini.

Dalam kajian terhadap kes-kes fasakh di bawah seksyen ini, pihak yang menuntut iaitu isteri telah meletakkan alasan lazim menyakiti dan alasan yang berkaitan dengannya di dalam penyata tuntutan dalam membuat tuntutan fasakh. Dalam kes *Ali bin hashim lwn Aminah bt Raub* (Kes Mal Bil : 10005-014-0189-2018 Mahkamah Syariah Hulu Langat),

isteri telah memohon kepada mahkamah untuk mensabitkan tuntutan fasakh beliau dengan memberi alasan seperti berikut iaitu :

- 1) gagal menunaikan tanggungjawab memberi nafkah zahir (kena tanggung sendiri makan dan minum serta keperluan sendiri dan anak-anak sejak 2014
- 2) gagal memberikan nafkah batin sejak 2011 dan meninggalkan tanggungjawab memberi perlindungan keselamatan
- 3) menuduh isteri berzina tanpa bukti yang kukuh
- 4) menghasut anak-anak yang menyebabkan beliau berasa tertekan mental dan emosi terhadap akibat perkara yang berlaku

Dalam kes *Zubaidah bt Ali lwn Harun bin Hamid* (Kes Mal Bil 10005-014-1203-2017, Mahkamah Syariah Hulu Langat) pihak isteri dalam tuntutan fasakhnya telah menyatakan alasan -alasan seperti berikut iaitu :

- 1) tidak memberi nafkah dengan betul dan semasa saya dalam pantang, dia tidak memberi nafkah saya dan anak-anak selama 2 tahun.
- 2) Tiada kerja yang tetap dan tidak sediakan tempat tinggal yang sempurna dan jarang sekali menjenguk keluarga
- 3) Selalu dipukul hingga teruk sampai menampakkan kesan lebam, kurang beri kasih sayang kepada keluarga

Berdasarkan kes-kes tersebut, jelas bahawa pihak isteri telah menggunakan alasan menganiayai dengan memberikan contoh perbuatan atau perlakuan suami terhadap mereka yang boleh dianggap sebagai bertepatan dengan peruntukan lazim menyakiti dan melakukan perbuatan aniaya yang disebut dalam Seksyen 53 (1)(h) EUKIS 2003.

## **7. KESIMPULAN**

Kertas kerja ini merumuskan bahawa undang-undang keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan jaminan perlindungan dan penyelesaian dalam menangani masalah tekanan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan. Isteri yang berhadapan dengan masalah sedemikian mempunyai hak untuk membuat tindakan menurut undang-undang bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terhadap diri mereka sendiri dan orang lain terutamanya anak-anak. Penyelesaian boleh dibuat sama ada dengan cara mendapatkan

nasihat perunding cara kekeluargaan, mendapatkan laporan perubahan daripada pakar psikiatri atau membuat tindakan undang-undang untuk membubarkan perkahwinan di Mahkamah Syariah.

## 8. RUJUKAN

Ahmad Harari dan Raihanah Azahari. 2014. Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*. No. 14. 175-194

Al-Syatibi. 1991. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut : Dar al-Fikr. Hlm 120

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Haliza A. Shukor et al. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 4*. Vol. 4. 68-85

Ibn Manzur. 1994. *Lisan al-Arab*. Beirut : Dar al-Fikr.

Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2006. *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

*Kamus Dewan*. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 45.

Maizatul Akmam Binti Abdul Bakar. 2008. *Keganasan RumahTangga : Corak, Punca dan Kaedah Penyelesaian*. Johor. Penerbit UTM. Hlm 52

Mohamed Sharif Mustaffa. 2003. Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Perceraian, Kajian Kes Kualitatif di Jabatan Agama Islam Johor. *Seminar Kebangsaan Kaunseling* (pp. 1,12-13). Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM).

Raihanah Azahari. 2007. Permasalahan Rumahtangga : Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 116-117,119-121, 123-124, 126,128.

Salleh Ismail. 2003. *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Siti Shamsiah Md Supi. 2015. *Tekanan Mental dalam Fasakh: Tinjauan Terhadap Amalan dan Prosedur di Malaysia*. Kuala Lumpur. UKMSyariah.org. 3 Okt. 2018

Siti Shamsiah Mohd Supi. 2013) Fasakh Melalui Tekanan Mental. Utusan Online. 15. 11.

*Utusan Malaysia*. 2014. *Jenayah Aniaya Isteri*. 26 Februari 2014.

Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Zanariah Dimon. 2014. Undang-undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga: Satu Sorotan dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Selangor dan Undang-undang Keluarga Sivil. *eProsiding International Research Management and Innovation Conference 2014*.